

BAB 4

KEARIFAN TEMPATAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

Yohan Kurniawan, Koentjoro Soeparno dan Khuzaiton Zakaria

ANCAMAN BENCANA ALAM

Bencana adalah suatu keadaan yang menjadi ancaman dan dihadapi oleh semua manusia di seluruh dunia. Terdapat pelbagai bentuk bencana yang dialami oleh manusia di dunia ini seperti bencana alam yang berupa letusan gunung berapi, banjir, tanah runtuh, kebakaran, taufan, dan sebagainya. Wilayah Asia Tenggara atau dahulunya dikenali sebagai Nusantara, khususnya wilayah Indonesia merupakan kawasan yang berada di dalam lingkaran api Pasifik. Lingkaran api Pasifik merupakan kawasan yang sering mengalami gempa bumi dan letusan gunung berapi (Zulfikar, 2021). Di kawasan ini terdapat kira-kira 450 siri gunung berapi aktif dan tidak aktif yang membentuk separuh bulatan di sekeliling Plat Laut Filipina, Plat Pasifik, Plat Juan de Fuca dan Cocos, dan Plat Nazca. Terdapat banyak aktiviti seismik di kawasan itu, kira-kira 90 peratus daripada semua gempa bumi berlaku di kawasan Lingkaran Api. Hal ini bermakna kehidupan manusia yang tinggal di kawasan ini sentiasa dalam bahaya. Negara-negara yang berada dalam kawasan cincin api termasuklah Indonesia, Filipina, Malaysia, Jepun, Australia, New Zealand, Papua New Guinea, dan negara-negara kepulauan lain seperti Kepulauan Solomon, Fiji, Micronesia, Polinesia, dan seterusnya ke pantai barat Amerika Utara dan Selatan.

Potensi bencana yang tinggi ini menyebabkan nenek moyang pada masa itu mempelajari cara menangani bencana yang boleh berlaku pada bila-bila masa yang mana peraturan tersebut tersimpan dalam bentuk *kearifan tempatan* masyarakat Indonesia sehingga hari ini. Sebagaimana